

25 NOV 1997

## KANADA YAKIN EKONOMI ASIA AKAN BANGKIT SEMULA

Oleh: Salmly Hashim

VANCOUVER, 25 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Kanada Jean Chretien melahirkan keyakinan ekonomi-ekonomi Asia mempunyai tenaga untuk bangkit kembali daripada masalah mata wang dan pasaran saham selepas pertumbuhan menakjubkan sejak 20 tahun lalu.

Beliau menyatakan setakat ini beliau tidak melihat sebarang kesan jangka panjang daripada pergolakan mata wang dan yakin Tabung Kewangan Antarabangsa masih mampu menyelamatkan ekonomi-ekonomi yang menghadapi masalah.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan rundingan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Isnin, kata seorang pegawai Kanada kepada pemberita selepas mesyuarat itu.

Perdana Menteri Kanada itu juga memberitahu Dr Mahathir beliau bersetuju bahawa ketelusan institusi kewangan adalah sangat penting.

Menurut pegawai itu, Perdana Menteri Kanada itu juga melahirkan simpatinya terhadap ekonomi-ekonomi Asia yang terjejas akibat daripada masalah mata wang, tetapi merasakan untuk mengawal selia dagangan mata wang "sukar" untuk dilaksanakan.

Dr Mahathir memberitahu majlis makan malam Sidang Kemuncak CEO Apec Ahad malam bahawa dagangan mata wang yang menguasai 95 peratus daripada dagangan dunia, mestilah mempunyai lebih banyak ketelusan, kawal selia dan dikenakan cukai.

Beliau menyelar Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) kerana tidak berusaha bersungguh-sungguh mengawal selia dagangan seumpama itu dan mencadangkan ketua-ketua Apec mencapai satu perjanjian mengenai kawal selia dagangan mata wang.

Malaysia yang kerugian AS\$30 bilion (RM102 bilion) daripada KDNK berikutan penyusutan mata wang tidak mengambil sebarang keuntungan daripada segi cukai daripada peniaga-peniaga mata wang yang mengaut sejumlah besar wang daripada perdagangan ringgit, kata Dr Mahathir.

Sejumlah 18 ketua-ketua daripada ekonomi Apec berkumpul di sini bagi sidang kemuncak ketua-ketua Apec kelima dan dijangka membacakan deklarasi mereka pada akhir mesyuarat tahunan itu dan dijangka menyokong inisiatif Manila yang dibentuk untuk mempercepatkan bantuan kepada ekonomi-ekonomi Asia yang menghadapi masalah.

Satu laporan akhbar menyatakan draf deklarasi Apec memuatkan sepotong ayat yang menyebut kumpulan itu menyokong usaha-usaha untuk memahami lebih baik sama ada pasaran modal antarabangsa perlu dikawal selia, satu isu yang dibangkitkan secara khusus berikutan gesaan Malaysia sebelum ini untuk mengawal dagangan mata wang.

Setakat ini, Thailand, Filipina, Indonesia dan Korea Selatan telah meminta bantuan kewangan daripada IMF dan negara-negara lain.

Daniel Tarullo, Penasihat Ekonomi Khas kepada Presiden Bill Clinton, memberitahu Bernama Dr Mahathir ada menyatakan cadangannya dalam pertemuan pagi Isnin bersama Clinton, tetapi ketua-ketua negara itu lebih banyak menumpukan kepada rangka kerja Manila

Katanya tiada sesuatu yang khusus dibicarakan mengenai cadangan Dr Mahathir dan oleh yang demikian Amerika Syarikat tiada sesuatu untuk mengulasnya. -- BERNAMA

SH ZK MA